

# SEKOLAH KEBANGSAAN

Bagaimana Nasib Orang-orang Melayu Dengan Dia

(Oleh: Za'ba)

Saya telah ditanya orang: Bagaimanakah fikiran atau pandangan tuan berkenaan “Nasib orang-orang Melayu dengan rancangan sekolah kebangsaan” terutama tentang yang mengenai hal-hal di bawah ini:

- (a) Bahasa Melayu
- (b) Kebudayaan dan kesenian Melayu
- (c) Adat istiadat Melayu
- (d) Taraf dan kehidupan Melayu
- (e) Hal-hal am terhadap rancangan “Sekolah kebangsaan” itu.

Pada menjawabnya hanya dapat dinyatakan dengan ringkas iaitu fikiran saya sendiri sahaja dengan tidak bermaksud membawa orang lain dan tidak minta persetujuan kepada siapa-siapa.

(I)

Tentang bahagian (a) sampai (e) dalam pernyataan itu, saya merasa yakin dengan tiada syak sekali-kali bahawa bahasa Melayu, kebudayaan dan kesenian Melayu dan adat istiadat Melayu semuanya tetap akan terus menerima perubahan dengan beransur-ansur dalam masa lima puluh tahun yang akan datang ini, kerana dipengaruhi oleh berbagai-bagai hal dunia dan cara-cara pergaulan baharu dan fikiran baharu yang sedang dan akan mengelilingi kita sekalian.

Yang demikian itu tetap akan terjadi baik pun kita menerima rancangan sekolah kebangsaan itu atau tidak menerimanya, terjadinya itu dengan tidak kita terasa, kerana pihak tua-tua yang tak suka akan perubahan sekarang itu akan beransur-ansur pula cicir dari panggung kehidupan.

Perubahan-perubahan yang akan terjadi itu setengahnya baik

dan setengahnya tiada baik, iaitu seperti dalam zaman yang sudah-sudah juga ia akan berlaku mulai dari orang-orang yang terpelajar dan sekurang-kurangnya akan memberi bekas yang kekal pada mereka itu dan anak cucu mereka itu.

(II)

Bahagian (d) tentang “Taraf dan kehidupan Melayu” kita saya percaya iaitu akan tetap seperti sekarang juga jika kita tidak mengubah sifat-sifat kekurangan dan kelemahan yang umum pada laku perangai bangsa kita dengan jalan asuhan dan didikan yang sempurna dari sebelah dalam. Bahkan barangkali harus akan jadi lebih jatuh lagi pula jika kita tidak membanyakkan anak-anak kita sekarang belajar bahasa Inggeris mulai dari sekolah kebangsaan yang dicadangkan oleh pemerintah itu hingga kepada sekolah-sekolah menengah Inggeris yang biasa sekarang. Dan dari situ

hingga ke universiti.

Bahasa Inggeris ialah bahasa dunia, bukannya bahasa orang Inggeris sahaja lagi. Macam mana pun kita wajib mempelajarinya walaupun sesudah kita merdeka kelak dan sudah menggunakan bahasa kita sendiri jadi bahasa pemerintahan dan pelajaran tinggi – iaitu jika pihak orang “Malayan” yang lain-lain bersetuju pula digunakan bahasa kita Melayu jadi bahasa pemerintahan dan pelajaran tinggi dalam negeri kita ini!

Tambahan pula sekurang-kurangnya dalam sepuluh tahun sesudah itu kelak kita tentu wajib memakai bahasa Inggeris juga lagi seperti yang diperbuat di India, Seylon, dan Pakistan sekarang bagi meneruskan pengajaran dalam sekolah-sekolah tinggi dan universiti. Iaitu sementara dapat diadakan persediaan buku-buku pengetahuan yang lengkap dalam bahasa kita sendiri. Kita semua mengaku bahawa dalam bahasa kita memang sedia sangat kekurangan buku-buku pengetahuan tinggi atau yang menghidangkan segala macam ilmu pengetahuan. Bahkan kita kekurangan pengetahuan bagi membahaskan isi ilmu-ilmu itu dengan kalimah-kalimah istilahnya yang khas. Maka sekalian ini terpaksa diadakan dahulu baharulah boleh ilmu-ilmu itu diajarkan menerusi bahasa Melayu.

### (III)

“Rancangan Sekolah Kebangsaan” itu memang sebenarnya tujuannya, selain daripada hendak membentuk bangsa “Malayan” maka ialah juga (tujuannya) hendak membelakangkan atau melemahkan penggunaan bahasa anak negeri dan memajukan penggunaan bahasa Inggeris bagi faedah orang-orang Inggeris sendiri. Tetapi tidak syak juga bahawa dengan menerimanya anak-anak kita Melayu akan dapat lebih peluang belajar bahasa Inggeris dan mendapat pengetahuan menerusi bahasa Inggeris. Maka tidaklah bijak dan tidak ada keuntungannya kepada anak-anak kita, bahkan sebaliknya kerugian sahaja jika kita tolak rancangan itu

bulat-bulat sahaja.

Kita sangat kekurangan anak-anak yang dapat masuk ke tempat-tempat pelajaran tinggi, kerana pelajaran tinggi terutama di Malaya sekarang mesti menerusi bahasa Inggeris. Tetapi di negeri-negeri lain juga dalam dunia Barat jika seseorang sudah pandai bahasa Inggeris maka dengan mudah boleh dapat masuk ke dalam tempat-tempat pelajaran tingginya.

Kecualilah jika kita tolak rancangan mengembangkan pelajaran Inggeris kepada anak-anak kita itu maka gantinya pula dapat kita adakan tempat-tempat pelajaran Melayu yang lebih tinggi – iaitu dari sekolah-sekolah Melayu kampung hingga kepada sekolah-sekolah yang sekarang disebut sekolah Inggeris, hingga ke kolej-kolej dan universiti – semuanya itu dapat kita jadikan Melayu atau dapat kita adakan yang saingnya dengan menggunakan bahasa Melayu pada serba-serbinya. Jika tidak dapat dibuat demikian nescaya adalah rugi semata-mata. Selama ini sudah lebih tujuh puluh tahun anak-anak kita bersekolah Melayu secara yang telah diberi oleh Inggeris itu, apakah kelebihan yang telah kita dapat? Selagi tidak ditinggikan tidakkan sampai ke mana.

Maka yang boleh dan mampu meninggikannya seperti yang dikehendaki itu hanya kerajaan sahaja, dan kepadanya juga kita akan meratap dan meminta!! Tetapi selagi pemerintahan negeri kita dipegang tampuknya oleh Inggeris mereka sudah tentu tidak akan berbuat demikian, dan berbagi-bagilah helah dan dalihnya.

Lainlah kalau kita ada rupa mendirikan sendiri sekolah-sekolah menengah Melayu dan kolej-kolej Melayu dan universiti Melayu dengan wang orang-orang kita Melayu sendiri beratus juta atau berpuluh juta sekurang-kurangnya. Seperti yang tengah dikira-kira oleh orang-orang Cina sekarang. Yang demikian tidaklah akan dapat ditahan oleh Inggeris. Maka sudahkah kita ada rupa boleh berbuat demikian?! Jika


tidaklah ada rupa bukanlah terlebih baik diterima sahaja dahulu “Rancangan Sekolah Kebangsaan” itu sambil beringat-ingat jangan sampai melupakan bahasa dan kebudayaan kita sendiri?? Kemudian-kemudian kelak apabila sudah cukup ramai orang muda-muda kita yang mendapat pelajaran tinggi universiti menerusi bahasa Inggeris itu, dan kita pun sudah berkerajaan sendiri, maka dengan mudah boleh dipesongkan kembali sistem pelajaran sekolah tinggi dan universiti itu memakai bahasa Melayu semuanya.

Tentang bahasa kita akan mati jika diterima “Sekolah Kebangsaan” itu saya tidak percaya itu, selagi kita orang-orang Melayu tetap menggunakan bahasa Melayu dan bercakap Melayu hari-hari, dan selagi surat-surat dan hikayat-hikayat Melayu kekal ada, tidak dibinasakan, dibakar dan

dihapuskan umpamanya dan selagi bahasa Melayu hidup dipakai sebagai bahasa surat-surat dan kerajaan di Indonesia. Takkanlah semuanya orang Melayu Malaya yang tiga million sesekarang itu akan pandai bercakap bahasa Inggeris belaka semuanya dan lupa akan bahasanya sendiri dengan sebab “Sekolah Kebangsaan” yang akan dicuba selama lima tahun ini!!

Pendeknya rasa saya adalah bijak namanya jika kita ambil racun atau senjata yang diberi oleh Inggeris dengan tujuan hendak merosakkan kita itu dan kita gunakan dia bagi faedah kita sendiri dan bagi melawan mereka . . . . .

Sekianlah ringkasnya pendapat saya. tetapi jika dikeluarkan dalam suratkhbar nescaya dikatakan oleh pihak muda-muda saya mengampu penjajah dan belot kepada hak bangsa saya sendiri dan sebagainya!



Bandar New York dengan bangunan-bangunan pencakar langit yang terkenal.